

# Usaha semarak sukan sepak takraw di Johor

**SEGAMAT** – Bagi menyemarakkan sukan sepak takraw, Persatuan Sepak Takraw Daerah Segamat dengan kerjasama Kelab Sukan Komuniti (KSK) Dun Kemelah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Antara Regu Tertutup Johor 2014, kelmarin.

Pengerusi Persatuan Sepak Takraw Daerah Segamat, Datuk Ayub Rahmat berkata, kejohanan julung kali dianjurkan itu diadakan di Dewan Sepak Takraw Segamat dengan hadiah kemenangan yang besar.

"Pemenang tempat pertama akan memperoleh wang tunai RM1,000 dan ini merupakan hadiah terbesar yang pernah ditawarkan bagi pertandingan yang dianjurkan persatuan daerah. Kebiasaannya, hadiah kemenangan antara RM500 hingga RM700 sahaja.

"Ini secara tidak langsung dapat menarik penyertaan dan menyemarakkan lagi sukan sepak takraw di negara ini, khususnya di Johor yang saya lihat semakin suram dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini," katanya.

Beliau ditemui selepas perasmian pertandingan tersebut, di sini, kelmarin.



Ayub Rahmat (tengah) bersama sebahagian peserta pertandingan di Dewan Sepak Takraw Segamat, kelmarin.

Ayub yang juga Adun Kemelah menyifatkan, kejohanan sebegini mampu memulihkan keyakinan masyarakat terhadap sukan itu yang dilihat makin suram, ditambah kemelut melanda Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM).

Beliau berharap, golongan belia di negeri ini dapat mempergiatkan lagi usaha mempopularkan kema-

li sukan sepak takraw yang semakin kurang mendapat perhatian kini.

"Sebelum ini kami pernah menganjurkan pertandingan sepak takraw, tetapi melibatkan golongan remaja sahaja, pada kali ini penyertaan lebih terbuka."

Bagaimanapun mesti menuhi syarat ditetapkan dan antaranya, peserta bukan pemain negeri

dan kebangsaan.

"Berdasarkan sambutan hari ini (kelmarin) kami bercadang mengadakan pertandingan dengan skala penyertaan lebih besar," katanya.

Kejohanan selama sehari tersebut menyaksikan 48 regu dari seluruh Johor bertanding terdiri daripada pasukan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP), Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan kelab sukan bersaing merebut hadiah utama.

Sebelum ini, Persatuan Sepak Takraw Daerah Segamat pernah menganjurkan kursus kejurulatihan sepak takraw peringkat kebangsaan pada tahun lalu bagi membuktikan kesungguhan pihak persatuan terhadap sukan berkenaan.